



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH OF MALAYSIA
Bahagian Pengurusan Latihan
Training Division
Aras 3 dan 6, Menara Prisma
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks (Fax) : 603-8885 0748
Laman Web (Web) : latihan.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM 500/3/4/10 Jld 5 (26)
Tarikh : 04 Julai 2019

Pengarah Bahagian

Setiausaha Bahagian

Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Hospital / Institusi Latihan

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PENGUMUMAN TAWARAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR / PROGRAM LATIHAN DENGAN / TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA SESI AKADEMIK 2020 / 2021 KEPADA PEGAWAI - PEGAWAI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia berbesar hati mempelawa pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan untuk mengemukakan pencalonan dari pegawai-pegawai KKM bagi mengikuti kursus dalam perkhidmatan Dengan / Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) sesi akademik 2020 / 2021.
3. Pegawai hanya boleh memilih **salah satu** permohonan sahaja bagi tawaran berikut:

JENIS TAWARAN	KETERANGAN
TAWARAN A	Terbuka kepada pegawai kumpulan P&P (Bukan Gunasama) lantikan KKM untuk mengikuti kursus peringkat Sarjana (Selain Sarjana Perubatan) / Ph.D / Area of Special Interest (Selain Subkepakaran) . Calon boleh memilih salah satu kategori Cuti Belajar seperti berikut: <ol style="list-style-type: none">i. Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan HLP; ATAUii. Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Tanpa HLP.
TAWARAN B	Terbuka kepada Pegawai Perubatan untuk mengikuti Program Latihan Kepakaran Sarjana Perubatan (Sistem Bersepadu) di Universiti Awam bagi kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan HLP .

JENIS TAWARAN	KETERANGAN
TAWARAN C	Terbuka kepada Pegawai Perubatan Pakar bagi mengikuti Program Latihan Subkepakaran Dengan / Tanpa HLP.
TAWARAN D	Terbuka kepada Pegawai Perubatan bagi mengikuti Program Latihan Kepakaran Parallel Pathway Dengan / Tanpa HLP.
TAWARAN E	<p>Terbuka kepada pegawai kumpulan Pelaksana (Bukan Gunasama & Kader) lantikan KKM untuk mengikuti kursus peringkat Diploma / Ijazah Sarjana Muda. Calon boleh memilih salah satu kategori Cuti Belajar seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) Tanpa HLP; ATAU ii. Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) Tanpa HLP.

4. Syarat-syarat permohonan dan maklumat lengkap mengenai tawaran HLP / Tanpa HLP ini boleh diakses melalui Sistem Permohonan eHLP KKM di laman sesawang: <http://ehlp.moh.gov.my> mulai 8 Julai 2019 (Isnin) jam 3.00 petang sehingga 9 Ogos 2019 (Jumaat).

5. Sila ambil maklum bahawa bakal penerima biasiswa adalah tertakluk kepada **Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya** seperti di **Lampiran 1** sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

6. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah amat diharapkan dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. ZAINAL ABIDIN BIN SAIT)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k

- i. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
- ii. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
- iii. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan & Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia
- iv. Pengarah Kanan
Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
- v. Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
- vi. Pengarah
Bahagian Bahagian Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia
- vii. Pengarah Kanan
Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- viii. Pengarah,
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- xi. Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- x. Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

LAMPIRAN 1**JENIS-JENIS TINDAKAN PENALTI YANG DIKENAKAN KEPADA PEMEGANG
BIAISWA DALAM PERKHIDMATAN YANG GAGAL MENAMATKAN PENGAJIAN
DENGAN JAYA**

BIL.	PERKARA	PENALTI YANG DIKENAKAN
1.	Masalah disiplin	i. Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan.
2.	Menarik diri	i. Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan kecuali sebab tarik diri adalah di atas kepentingan perkhidmatan (yang dapat dibuktikan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan).
3.	Tidak mencapai markah lulus/syarat siswazah yang ditetapkan oleh universiti/kolej/institusi	i. Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; dan iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.
4.	Tamat tempoh penajaan	i. Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan.

BIL.	PERKARA	PENALTI YANG DIKENAKAN
5.	Penyakit yang boleh menjaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (<i>unfit to practice</i>) dari segi fizikal dan mental seperti di Lampiran 2	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada tuntutan gantirugi dikenakan; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; dan iii. Tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.

LAMPIRAN 2

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- a. Kanser;
- b. Serangan jantung;
- c. *Pulmonary Hypertension*;
- d. Penyakit buah pinggang yang kronik;
- e. Penyakit hati (*liver*) yang kronik;
- f. Hepatitis;
- g. Kcederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- h. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- i. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- j. Pemindahan organ utama;
- k. Penyakit Parkinson;
- l. Penyakit HIV atau AIDS atau kedua-duanya;
- m. Pemindahan kaki atau tangan;
- n. Skizofrenia;
- o. Kcederaan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan atau Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
- p. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan atau Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja.